

PENYELIDIK UniMAP CEMERLANG DI SIIF 2018, KOREA SELATAN

KANGAR, 14 November – Penyelidik Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) meraih kejayaan 100 peratus di Seoul International Invention Fair (SIIF) 2018 yang berlangsung diadakan di COEX Convention Centre, Seoul, Korea Selatan baru – baru ini.

UniMAP berjaya membawa pulang tiga pingat emas, dua perak dan satu gangsa serta dua anugerah khas dari Taiwan dan Poland.

Tiga produk yang mendapat pingat emas adalah *High Strength Geopolymer Reinforced Lead-Free Solder For Aerospace Interconnects Application* hasil penyelidikan Dr. Mohd Arif Anuar Mohd Salleh. Produk itu turut mendapat anugerah khas dari Taiwan Inventor Association.

Dr Mohd Arif berkata, bahan pateri bebas plumbum yang dihasilkan merupakan bahan pateri yang diperkuat dengan bahan seramik geopolymer yang bersaiz nano.

Katanya, ia juga merupakan bahan pateri mesra alam dibangunkan untuk menggantikan pateri plumbum yang boleh mendatangkan kemudaratan alam sekitar serta kesihatan manusia.

“Bahan pateri yang dihasilkan ini mampu menghasilkan satu sambungan yang sangat kuat serta dapat digunapakai kepada keadaan sekitar yang ekstrem seperti penggunaan bahan elektronik telekomunikasi dan aeroangkasa,” katanya ketika dihubungi.

Sementara itu, penyelidikan kedua yang meraih pingat emas adalah *Fly Ash Lightweight Geopolymer Aggregate (LiGA): Environmental Friendly Insulator Materials for Building Application* hasil penyelidikan Alida Abdullah dan pasukannya yang juga mendapat anugerah khas dari The Association of Polish Inventors and Rationalizers.

LiGA adalah bahan binaan ringan yang mampu mengurangkan pemindahan haba iaitu ciri penting dalam menyediakan keadaan yang selesa di mana seseorang tidak merasa terlalu panas atau terlalu sejuk dalam sesebuah bangunan.

Manakala produk ketiga, Sistem Biometrik Untuk Penyiasatan Forensik Komputer: Sistem Pengesahan Pengguna Berdasarkan Dinamik Keystroke

dan Biometrik Lembut hasil penyelidikan Dr. Syed Zulkarnain Syed Idrus Al Saggoff.

Ketiga-tiga penyelidik ini merupakan dari dari Pusat Kecemerlangan Geopolimer dan Teknologi Hijau (CEGeoTech) UniMAP.

Naib Canselor UniMAP, Datuk Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal berkata, kejayaan yang dikecapi pada SIIF 2018 melengkapkan pencapaian UniMAP bagi tahun 2018.

“Kita berharap ia akan menjadi pembakar semangat buat semua penyelidik untuk menghasilkan lebih banyak produk yang berimpak kepada masyarakat pada tahun hadapan,”katanya ketika dihubungi.

SIIF 2018 merupakan anjuran tahunan oleh Korea Invention Promotion Association (KIPA).

Selain Malaysia dan tuan rumah Korea Selatan, pertandingan penciptaan yang berprestij ini juga dihadiri oleh peserta dari lebih dari 20 buah negara.

Aininulniza Mohd Yusof

**Pegawai Perhubungan Media
Unit Komunikasi Korporat (UKK)
Universiti Malaysia Perlis**